

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGONG PERSEKUTUAN
PERSATUAN-PERSATUAN HOKKIEN MALAYSIA 2002
DI HOTEL PRIMULA PARKROYAL, KUALA TERENGGANU
1 OGOS 2002

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Persekutuan Persatuan-persatuan Hokkien Malaysia kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan mesyuarat agung tahunan persatuan ini.

2. Persatuan ini mewakili orang tionghua keturunan Hokkien dari seluruh negara. Saya amat mengenali orang-orang Hokkien kerana saya adalah anak Pulau Pinang dan membesar dikalangan orang Hokkien. Ramai sahabat saya dari kaum tionghua adalah dari suku kaum Hokkien. Saya amat gembira dapat bersama-sama saudara-saudari semua dan jemputan kepada saya ini adalah satu penghargaan. Terima kasih saya ucapkan.

3. Saya difahamkan Persekutuan Persatuan-persatuan Hokkien ini ditubuhkan pada tahun 1957, ini bermakna persekutuan ini telah berusia lebih 44 tahun. Sudah tentu ramai di antara ahli-ahlinya telah menyaksikan kelahiran sebuah negara baru bernama Malaya, kini Malaysia. Sudah tentunya ramai di antara saudara-saudari semua telah turut sama-sama membangunkan negara ini dan sama-sama menikmati pembangunannya. Tidak syak lagi kecintaan dan ketaatan saudara-saudari semua kepada negara ini adalah tidak berbelah bahagi walaupun nenek moyang saudara-saudari berasal dari Wilayah Foo Chien di negeri China. Syabas! Lu lang ho bo!

4. Saya difahamkan bahawa di Malaysia sahaja ada lebih dari 300,000 rakyat Malaysia keturunan Hokkien. Jumlah terbesar orang-orang Hokkien adalah di Pulau Pinang. Ramai lagi orang keturunan Hokkien telah bermastautin di merata dunia, termasuk negara jiran seperti Singapura dan Thailand. Penghijrahan orang-orang Hokkien dari wilayah asal mereka tidak sukar difaham kerana sepertimana kita semua tahu, keadaan di negara China pada penghujung abad ke19 dan permulaan abad ke20 amat susah dengan masalah seperti kemiskinan yang ketara dan peluang yang sempit.

5. Orang-orang Hokkien terkenal dengan sifat rajin bekerja, jimat cermat, sikap merendah diri, kreatif dan berani diuji. Ciri-ciri inilah yang telah menghasilkan kejayaan kepada mereka dan kita lihat ramai tokoh-tokoh perniagaan yang terdiri dari orang Hokkien. Umpamanya Tan Sri Lim Goh Tong, Tan Sri Yeoh Tiong Lay, Tan Sri Lee Shin Chen dan sebagainya. Mereka ini cukup terkenal dan banyak menyumbang kepada kejayaan dan pembangunan negara di samping dermawan. Saya diberi tahu bahawa orang Hokkien berpegang kepada prinsip ` yang diambil dari masyarakat, menggunakannya untuk masyarakat'.

6. Memadailah jika saya membuat kesimpulan bahawa kecekapan dan sifat tahan diri (fighting spirit) orang-orang Hokkien menjadi ilham dan inspirasi kepada orang ramai. Salah satu sifat yang dikaitkan dengan orang Hokkien ialah apabila mereka mengenal pasti sesuatu objektif, maka mereka akan berusaha dengan tekun untuk mencapai objektif itu. Semangat inilah yang telah membuatkan mereka menjadi golongan yang berjaya.

7. Pada tahun-tahun yang baru berlalu, terutamanya sejak tahun 1998, negara kita telah melalui banyak saat- saat yang genting, terutamanya dari segi krisis kewangan dan ekonomi yang melanda negara-negara di rantau ini. Walaupun menghadapi tekanan dari pelbagai pihak, dibawah pimpinan YAB Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, kita telah berjaya mengatasi krisis ekonomi tanpa melalui proses seperti di setengah-setengah negara lain dimana rusuhah berlaku dan negara jadi kacau bilau.

8. Namun, kini kita lihat pula kemelesetan ekonomi serta masalah-masalah struktural yang melanda negara- negara maju seperti Eropah dan Amerika Syarikat. Mahu tidak mahu kita sebagai anggota masyarakat dunia, Malaysia juga akan merasa kesan-kesan dan tempiasnya dari masalah-masalah di negara-negara tersebut. Namun, kita harus bangga bahawa dasar-dasar kita yang pragmatik telah menyelamatkan negara kita dari kesan- kesan terburuk akibat masalah di amerika syarikat terutama kesan selepas peristiwa 11 September tahun lalu. Tetapi yang paling penting yang menjadikan kita berada dalam keadaan hari ialah negara kita stabil dari segi politik serta rakyatnya bersatu padu, sentiasa memelihara keharmonian antara kaum. Sebenarnya inilah rahsia kejayaan kita.

9. Negara kita telah merdeka hampir 45 tahun. Dalam jangka masa ini, kita telah mencapai satu tahap perpaduan kaum yang cukup baik dan amat wajar bagi kita merenung sejenak pencapaian kita selama ini dalam membentuk sebuah negara yang rakyatnya bersatu padu. Saya bangga kejayaan dan kemajuan yang telah kita capai ini adalah hasil kerjasama dan sumbangan kerajaan dan rakyat, yang telah berjaya melahirkan iklim politik dan ekonomi yang menggalakkan bagi pemupukan perpaduan. Kita tidak mungkin berjaya dan maju sekiranya kerajaan tidak diwakili semua kaum. Kerajaan yang saya maksudkan ialah kerajaan barisan nasional yang telah berjaya meletakkan asas yang kukuh dan sukar digugat.

10. Kerajaan Barisan Nasional telah membentuk dasar- dasar dan pendekatan seperti politik, ekonomi, kebudayaan, bahasa, pendidikan, agama dan sukan yang telah membantu memantapkan perpaduan di kalangan rakyat. Dasar BN yang tidak ekstrim telah mendekati lagi rakyat untuk terus penyokong kerajaan hari ini dan ini telah meningkatkan keyakinan banyak pihak untuk terus melabur di negara ini yang telah membawa banyak manfaat kepada rakyat. Mahu tidak mahu, kita harus menghargai dan bersyukur di atas apa yang kita ada. Yang saya kecewa masih ada dikalangan rakyat kita yang terlalu cepat melupakan atau sengaja tidak mahu lihat betapa baiknya nasib kita. Seperti perumpamaan Inggeris ada menyebut mereka selalu menganggap bahawa rumput diseberang sana lebih hijau.

11. Dalam dekad yang baru lepas, kita telah lihat bagaimana persengketaan di negara-negara Balkan, di Rwanda, di Timur Tengah, di Afghanistan, di Latin Amerika dan di republik-republik Rusia telah mengakibatkan ratusan ribu rakyat mereka terkorban. Jiran membunuh jiran sahabat menjadi musuh, orang yang tidak bersalah dibunuh ramai-ramai, ini berlaku cuma kerana perbezaan fahaman agama atau warna kulit mereka. Di Malaysia perkara ini tidak berlaku lagi dan kerajaan memberi jaminan ianya akan berlaku lagi.

12. Ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa keharmonian dan perpaduan yang kita nikmati pada hari ini tidak boleh dipandang ringan. Negara tidak boleh lagi melalui keadaan seperti pada tahun 1969. Sebab itu saya bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri kita, Dato Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa negara

ini akan musnah apabila kerajaan yang buruk dipilih. Negara ini akan musnah jika kita sokong dan biarkan puak ekstrim bermaharajalela. Kita tidak mahu sekelompok kecil manusia yang masih memegang kepada fikiran ekstrim dan chauvinis.

13. Saya yakin pada tahun-tahun berikutnya kita akan terus memantapkan proses pembentukan bangsa dalam segala bidang. Walaupun ini mengambil masa tetapi jika semua pihak mempunyai komitmen dan visi yang sama, saya percaya ia tidak sukar untuk dicapai. Selagi kita berpegang teguh kepada perlembagaan negara dan rukun negara, mengamalkan nilai-nilai yang baik ia akan tetap menjadi satu kenyataan. Saya berharap apa jua masalah yang dihadapi, sebaik-baik jalan penyelesaiannya ialah menggunakan saluran berbincang dan tidak digembar gemburkan sehingga menjadi isu besar dan menggugat keharmonian yang telah sedia terjalin.

14. Kebelakangan ini, dua isu yang mendapat perhatian utama kita adalah puak ekstrim dalam parti pembangkang serta sifat ekstrim golongan yang kononnya memperjuangkan pendidikan.

15. Dalam perkara agama, saya ingin menegaskan bahawa kerajaan tidak akan bertolak ansur atau berkompromi sedikitpun dengan golongan ekstremis ini. Mereka telah salah gunakan agama untuk mencapai matlamat politik mereka. Oleh itu saya menyeru semua pihak supaya tidak terjebak dengan permainan politik pihak ini untuk menghalalkan matlamat politik mereka. Mereka sanggup memfitnah pemimpin kerajaan dengan niat dan tujuan untuk mengheret rakyat terus membenci kepimpinan negara. Menyerang pemimpin kerajaan melalui penyebaran fitnah dan menidakkan jasa-jasa kerajaan adalah perbuatan yang boleh menghancurkan kewibawaan bangsa sendiri.

16. Saya sedar apa yang saya perkatakan ini tidak akan diterima baik oleh puak pembangkang tetapi saya mesti mendedahkan lagi apa yang telah tertedah sebagai peringatan kepada semua rakyat Malaysia. Sama-samalah kita renung akan bahaya yang akan menimpa kita yang akan mengakibatkan bangsa dan negara akan turut musnah.

17. Satu isu lagi yang ditimbulkan ialah isu pengajaran Bahasa Inggeris dalam subjek Matematik dan Sains. Pemimpin-pemimpin kerajaan telah banyak kali menerangkan mengapa kita terpaksa mengambil langkah tersebut. Kerajaan tidak berniat untuk mengubah ciri-ciri Sekolah Rendah Kebangsaan Cina. Kerajaan tidak berniat untuk mengubah dasar pendidikan negara. Yang kerajaan mahukan supaya dasar yang diperkenalkan ini ialah untuk meningkatkan lagi penguasaan anak-anak kita terhadap bahasa tersebut supaya boleh berdaya saing dan tidak ketinggalan dalam menghadapi saingan global.

18. Kita harus mengakui bahawa Bahasa Inggeris merupakan bahasa perantaraan dalam menambah ilmu pengetahuan dan diterima pakai dalam mana-mana perjanjian atau perbincangan di peringkat antarabangsa. Rakyat harus faham niat murni dibelakang dasar ini. Bahasa Melayu akan terus menjadi bahasa rasmi serta bahasa pengajaran disemua sekolah jenis kebangsaan. Dasar Bahasa Inggeris ini tidak berniat untuk melupuskan pengajian didalam Bahasa Malaysia atau pun Bahasa Mandarin.

19. Saya sedar orang Hokkien amat mementingkan pendidikan. Mereka melihat pendidikan adalah satu pelaburan besar untuk masa depan mereka. Orang Hokkien berpegang kepada prinsip jangan miskin pendidikan walaupun miskin. Ini yang

menggalakkan orang Hokkien sentiasa pentingkan pendidikan. Atas dasar pentingkan pendidikan ini, saya berharap persatuan-persatuan seperti persatuan Hokkien ini dapat menjelaskan lagi niat di sebalik keputusan kerajaan itu dan tidak menggunakan isu ini untuk menaikkan suhu perkauman.

20. Apabila Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan pada tahun 1970, ada juga golongan yang menentang dengan sekeras-kerasnya, kononnya kata mereka akan dianaktirikan dan peluang mereka untuk mendapat peluang berniaga tertutup. Tetapi jelas nyata bahawa dasar ekonomi baru telah berjaya membuka peluang-peluang terbuka untuk semua rakyat. Dan hari ini kita lihat sumbangan masyarakat Cina terhadap pembangunan negara cukup bermakna. Saya amat menghargainya.

21. Masa hadapan kita, generasi pewaris dan negara kita bergantung kepada keputusan kita pada hari ini. Malaysia akan mencapai kegemilangan melalui semangat permuafakatan, sifat kesederhanaan dan amalan toleransi seperti yang diperlihatkan dalam kerajaan barisan nasional ketika ini. Dalam semangat dan kesedaran tersebut marilah kita berazam membina sebuah negara yang gemilang yang berdaulat di peta dunia.

22. Kita terima perbezaan dari segi budaya, bahasa dan agama dan begitu juga, kita menitik beratkan perasaan hormat menghormati sesama kita. Jika kita terus berpegang kepada prinsip ini, maka kita akan menjadi lebih kukuh dan teguh sebagai satu masyarakat, sebagai satu negara. Tetapi jika kita biarkan anasir-anasir jahat dikalangan kita mengeksploitasi perbezaan atau fahaman sempit, maka lama kelamaan negara kita akan hancur. Masa depan negara kita terletak ditangan setiap individu yang menjadi warga Malaysia. Maju mundur negara kita terletak ditangan kita semua dan tiada sesiapa pun boleh melepaskan diri dari tanggungjawab ini.

23. Di sini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Persekutuan Persatuan-persatuan Hokkien Malaysia kerana telah turut memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara. Kita bernasib baik kerana negara kita telah dikurniakan dengan pemimpin-pemimpin seperti dr mahathir yang berpandangan jauh. Kita juga bernasib baik kerana mempunyai bilangan penduduk yang majoriti nya sanggup melawan arus untuk memajukan bangsa dan negara.

24. Jika kita terus berkerjasama dan terus komited terhadap konsep berkongsi kuasa dan hidup bertoleransi, maka kita akan capai segala apa yang kita mulakan.

25. Dengan kata-kata itu, saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Agung Persekutuan Persatuan-persatuan Hokkien Malaysia 2002.

Terima kasih.